



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSEP *IKHTIYAR AL-‘IBAD* MENURUT IBN ‘ATA’ ALLAH AL-
SAKANDARI BERDASARKAN KITAB *AL-TANWIR FI ISQAT*
AL-TADBIR

SHUHAIMI BIN MOHD LANA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (USULUDDIN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah Syukur kepada Allah S.W.T., kerana dengan izinNya tesis ini dapat disempurnakan. Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih, *Jazakuma Allah Ahsan al-Jaza'* kepada *al-Fadhil Ustazuna* Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Ghani selaku Penyelia Utama tesis ini dan juga *al-Fadhil Ustazuna* Dr. Ibrahim bin Hashim selaku Penyelia Bersama, di atas segala tunjuk ajar dan dorongan semangat serta bantuan yang diberikan sepanjang penyeliaan tesis ini. Mudah-mudahan Allah menganjari kalian berdua dengan ganjaran yang sebaik-baiknya. Sekalung penghargaan kepada kakitangan akademik dan pentadbiran Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya para pensyarah dan kakitangan Institut Pengajian Siswazah yang bertungkus lumus menyediakan segala kemudahan kepada para pelajar pasca siswazah. Khusus buat bonda tercinta, Khairon binti Haji Nordin yang sentiasa berdoa, mendidik dan merestui pengobanan anaknya. Untuk isteri yang disayangi, Rosmawati binti Ismail, yang telah banyak berkorban masa dan sering berpesan kepada anak-anak: “Jangan kacau baba, baba tengah sibuk dengan tesis dia”. Tidak dilupakan buat anak-anak sekalian, Muhammad Said al-Rashad, Raudhah Amani, Nadhratun Naim, Farhaa Musfirah, Malihah Tasnimi, Mujiibur Rahman al-Rashad, Raihanah Mardhiyyah dan Shaima' Imtinan.. Semoga kalian dapat mengikuti jejak langkah para ulama yang banyak menabur bakti untuk agama tercinta. Begitu juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seperjuangan di Universiti Sultan Azlan Shah, terutamanya Dr. Mohd Faizal bin Abdul Khir yang juga terlibat menyumbangkan idea sepanjang penulisan tesis ini, sahabat sekamar P15 Ustaz Khairul Firdhaus bin Abdullah yang juga memberikan semangat dan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak secara langsung. Terima kasih untuk kalian semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari terhadap konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* berdasarkan karya beliau bertajuk *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*. Kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan kepustakaan melalui analisis dokumen secara induktif dan deduktif. Dapatan kajian menunjukkan pemikiran Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari terhadap konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* adalah mengikut *manhaj ṣūfī Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*. Implikasinya mendapati bahawa beliau tidak menolak usaha dan ikhtiar manusia sebagai satu elemen dalam konsep tawakalnya. Pandangan ini sekali gus menolak pandangan yang mengatakan bahawa para sufi cencerung kepada Mazhab Jabariyyah dalam persoalan *ikhtiyār al-‘Ibād*. Kajian ini memberikan jawapan serta penjelasan yang baik berhubung dengan isu *ikhtiyār al-‘Ibād* mengikut perspektif para sufi daripada unsur-unsur pemesongan dan penyelewengan.





THE CONCEPT OF *IKHTIYĀR AL-‘IBĀD* ACCORDING TO IBN ‘ATĀ’ ALLĀH AL-SAKANDARĪ BASED ON THE BOOK *AL-AL-TANWĪR FĪ* *ISQĀṬ AL-TADBĪR*

ABSTRACT

The purpose of this research is to analyze the thinking of Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari towards the concept of *ikhtiyār al-‘ibād* based on his book titled *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*. This qualitative study uses the library approach, through analysing documents inductively and deductively. The findings of this research shows that the thinking of Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari towards the concept of *ikhtiyār al-‘ibād* follows the method of *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah*. The implication is that the author did not ruled out human efforts and means as an element in *tawakkul*. This opinion simultaneously ruled out the opinion which states that the sufi group is more bent towards the Jabariyyah ideas on the issue of *ikhtiyār al-‘ibād*. This research answers profoundly the question in relation to the issue of *ikhtiyār al-‘ibād* according to the perspective of Sufism, from deviations and alterations.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
1.1	Pengenalan	1		
1.2	Latarbelakang Kajian	3		
1.3	Permasalahan Kajian	9		
1.4	Objektif Kajian	12		
1.5	Persoalan Kajian	13		
1.6	Tinjauan Terhadap Kajian-kajian Lepas	13		
1.7	Metodologi Kajian	19		
1.8	Kepentingan Kajian	22		
1.10	Sistematika Penulisan	23		
1.11	Skop Kajian	24		
1.12	Kesimpulan	25		



BAB 2 KONSEP *IKHTIYĀR AL-‘IBĀD* MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-ḤADĪTH SERTA PANDANGAN ULAMA.

2.1	Pengenalan	26
2.2	Definisi <i>Ikhtiyār al-‘Ibād</i>	28
2.3	<i>Ikhtiyār al-‘Ibād</i> di dalam al-Quran dan Hadith	31
2.3.1	Ayat-ayat <i>Ijbār</i> di dalam al-Quran	31
2.3.2	Nas-nas <i>Ijbār</i> di dalam Hadith	34
2.3.3	Ayat-ayat <i>Ikhtiyār</i> di dalam al-Quran	39
2.3.4	Nas-nas <i>Ikhtiyār</i> di dalam Hadith	42
2.4	<i>Ikhtiyār al-‘Ibād</i> Mengikut Pandangan Mazhab Aqidah	43
2.4.1	Pandangan Jabariyyah	43
2.4.1.1	Dalil-dalil Jabariyyah	44
2.4.1.2	Jawapan dan Sanggahan Terhadap Pandangan Jabariyyah	50
2.4.2	Pandangan Mu’tazilah	52
2.4.2.1	Dalil Mu’tazilah	55
2.4.3	Pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah	60
2.4.3.1	Pendapat Ulama al-‘Asyā’irah Mengenai Teori <i>al-Kasb</i>	61
2.4.3.2	Pendapat al-Māturīdiyyah	66
2.4.3.3	Dalil Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah	67
2.4.4	Pandangan Para <i>Mufasssīrīn</i> Mengenai Tafsiran Ayat 96 <i>Sūrah al-Ṣāffāt</i>	69
2.5	Kesimpulan	72





BAB 3 SEJARAH HIDUP AL-IMĀM IBN ‘ATĀ’ ALLĀH AL- SAKANDARĪ DAN PENGENALAN KITAB AL-TANWĪR FĪ ISQĀṬAL-TADBĪR.

3.1	Pengenalan	73
3.2	Suasana Semasa Kehidupan Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī	74
3.2.1	Suasana Siasah (Politik)	74
3.2.2	Aspek Keilmuan Pada Zaman Ibn ‘Atā’ Allāh	80
3.2.3	Aspek Tasawuf	87
3.3	Nama dan Keturunan	93
3.3.1	Pendidikan Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī	96
3.3.2	Peringkat Kehidupan Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī	97
3.3.3	Guru-gurunya	100
3.3.4	Kedudukan dan Pujian Ulama ke atasnya	104
3.3.5	Murid-muridnya	107
3.3.6	Karya-karyanya	109
3.3.7	Kewafatannya	117
3.4	Pengenalan Kitab <i>al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr</i>	117
3.4.1	Tujuan penulisan	120
3.4.2	Metodologi penulisan	121





3.4.3	Kritikan Terhadap Metodologi Penulisan <i>al-Tanwīr fī Isqāḍ al-Tadbīr</i>	131
3.4.4	Susunan dan Kandungan	132
3.5	Penghujahan Konsep <i>Ikhtiyār al-‘Ibād</i> Menurut Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī	135
3.5.1	Al-Quran dan Hadith	136
3.5.2	Nukilan dan Pengaruh Nilai dari Guru-gurunya	146
3.5.3	Pengaruh Kehidupan Para Sahabat	148
3.5.4	Mimpi	151
3.5.4.1	Pengertian Mimpi	153
3.5.4.2	Mimpi Para Nabi	155
3.5.4.3	Mimpi Dari Bukan Nabi	156
3.5.5	Kasyaf	158
3.5.5.1	Dalil-dalil Kasyaf	160
3.6	Pendirian Ibn ‘Atā’ Allāh Mengenai Kasyaf dan Mimpi	162
3.7	Kesimpulan	164

BAB 4 KONSEP IKHTIYĀR AL-‘IBĀD MENURUT IBN ‘ATĀ’ ALLĀH AL-SAKANDARĪ

4.1	Pengenalan	165
4.2	Reda Dengan Taqdir dan Tadbir Ilahi	166
4.3	<i>Isqāḍ al-Tadbīr</i> Menurut Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī	171
4.3.1	Definisi <i>Isqāḍ al-Tadbīr</i>	173



4.4	Keburukan Tadbir dan <i>Ikhtiyār</i> Tanpa Tawakal	177
4.5	Antara Tadbir Ilahi dan Perancangan Makhluq	189
4.5.1	Kisah Nabi Ādam AS.	190
4.5.2	Kisah Bani Isrāel	195
4.5.3	Kisah Anak Nabi Nūḥ AS.	198
4.6	Pembahagian <i>Ikhtiyār</i> dan Tadbir	200
4.6.1	<i>Ikhtiyār</i> dan Tadbir Yang Dipuji	201
4.6.2	<i>Ikhtiyār</i> dan Tadbir Yang Dikeji	202
4.7	Penjelasan Para Ulama Berhubung <i>Isqāṭ al-Tadbīr</i> Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandari	203
4.8	Mentadbir Urusan Dunia	208
4.8.1	Mentadbir Dunia Kerana Dunia	209
4.8.2	Mentadbir Dunia Kerana Akhirat	210
4.9	Kepentingan Dunia Yang Dipuji	212
4.9.1	Kehidupan Para Sahabat	216
4.10	Konsep Rezeki Mengikut Ibn ‘Aṭā’ Allāh	220
4.10.1	Berikhtiar dan Merancang Urusan Rezeki	222
4.10.2	Jaminan Rezeki Melalui Kisah Nabi Mūsa	225
4.10.3	Tafsiran Ayat-ayat Berkaitan Rezeki	229
4.11	Antara <i>Ikhtiyār</i> dan Tawakal	253
4.11.1	Pendapat Ulama Dalam Isu Berikhtiar dan Bertawakal	255
4.11.2	Perbahasan dan Pandangan Ibn ‘Aṭā’ Allāh mengenai <i>Ikhtiyār</i> Dan Tawakal	257
4.12	Faedah berusaha	264



4.13	Berikhtiar merancang kewangan (<i>al-Iddikhār</i>)	269
4.13.1	Perbahasan dan Pandangan Ibn ‘Ata’ Allah mengenai <i>Iddikhār</i>	272
4.14	Antara <i>Tajrīd</i> dan <i>Asbāb</i>	280
4.15	Pandangan Ibn ‘Atā’ Allāh mengenai <i>Ikhtiyār al-‘Ibād</i>	288
4.16	Kesimpulan	294

BAB 5 KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1	Pendahuluan	300
5.2	Kesimpulan	300
5.3	Saranan	303

RUJUKAN	306
---------	-----

LAMPIRAN





SENARAI SINGKATAN

A.S *‘Alayh al-Salām*

Abd Abdul

cet. cetakan

Dr. Doktor

et.al. *et alia*

Hj. Haji

hlm. halaman



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ibid.

ibidem

JAKIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

jld. jilid

no. nombor

op.cit. *opera citato*

PERKIM Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia

Ph.D *A Doctor of Philosophy*

R.A. *Raḍīya ‘Llāh ‘anh*

S.A.W. *Ṣalla ‘Llāh ‘alayh wa sallam*

S.W.T. *Subḥānahū Wata’ālā*

Sdn. Bhd. Sendirian Berhad

t.t. tanpa tarikh

t.t.p. tanpa tempat penerbitan





PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	y
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘a
غ	gh
ف	f
ق	q





1. Konsonan

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ل	l
م	m
ن	n
و	w,u
ه	h
ي	i,y
ة	h

2. Vokal



Pendek	Panjang	Diftong
___a	___ā	أَي ___ay,ai
___i	___ī	أَوْ ___aw,au
___u	___ū	

Catatan

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui Kamus Dewan tidak ditransliterasikan seperti syariah, syarak, hukum, mukallaf, ijtihad dan imam kecuali apabila perkataan tersebut digunakan di dalam frasa Arab seperti *al-syar'ī'ah*, *syar'īyyah*, *al-hadīth*, *ijtihād* dan lain-lain.





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Al-Quran adalah merupakan penyelesaian yang terbaik dalam merungkaikan persoalan-persoalan kehidupan insani. Mengikut Islam, kehidupan seseorang diibaratkan sebagai seorang pengembara yang mengembara dalam satu perjalanan. Tanpa panduan dari petanda arah (*sign board*), peta dan kompas pertunjuk dari al - Quran dan *al-Sunnah*, manusia akan tersesat arah dan tidak akan sampai ke destinasiya. Begitulah hakikat kehidupan dunia ini.

Namun begitu, adakah manusia boleh membebaskan diri, menentukan arah perjalanan mereka untuk mengecapi kebahagiaan itu atau perjalanan mereka itu





terarah mengikut rel yang disediakan, tanpa dapat dibuat pilihan, tanpa boleh mengubah, berusaha dan berikhtiar?

Al-Quran menyatakan manusia sebagai makhluk yang diciptakan secara sempurna¹, dibekalkan akal, ilmu, nafsu atau sifat berkehendak dan memilih². Namun, secara fitrahnya manusia akan memilih yang terbaik untuk dirinya. Manusia boleh mengenal antara yang baik dan yang jahat, yang bersih dan yang kotor, yang sesuai dan tidak sesuai. Dengan sifat-sifat itu, manusia ditaklifkan untuk menerima tanggungjawab, perintah dan larangan. Dengan keistimewaan ini juga, mereka boleh mengurus, mengatur, melayakkan manusia untuk dianugerahkan tanggungjawab khalifah di atas muka bumi Allah. Dengan kemampuan akal, ilmu dan kehendak nafsu, membolehkan mereka mencipta alat-alat, berlumba-lumba membuat kemajuan dan tamadun untuk kemaslahatan dan kemudahan penduduk bumi.

Allah menganugerahkan segala bentuk keistimewaan itu kepada manusia. Namun, apa yang dikehendaki oleh Allah ialah menggunakan segala potensi, kehendak dan pilihan yang ada pada mereka, sesuai dengan tujuan penciptaan manusia itu sendiri iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah³. Kehendak dan pilihan inilah yang dinamakan oleh ulama sebagai *ikhtiyār al-‘Ibād*

¹ Lihat: al-Quran, Surah *al-Tīn* (95) : 4, Surah *al-Infiṭār* (82) : 6-8, Surah *al-Isrā'* (17) : 70

² Mustafā Sa'īd al-Khin, Dr., dan Muhy al-Dīn Dīb Mistū, (1999), *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*, Damsyik: Dār al-Kalim al-Tayyib, hlm. 502

³ Maksud dari *Sūrah al-Dhāriyāt* (51) : 56 . *Dan Aku tidak menciptakan Jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepadaKu.*





1.2 Latarbelakang Kajian

Persoalan *ikhtiyār al-'Ibād* atau ‘pemilihan perbuatan hamba’ merupakan isu yang polemik dalam konteks perbincangan antara para Sufi dan juga para *Ahl al-Kalām* sejak berkurun lamanya. Persoalan ini juga menyebabkan wujudnya mazhab-mazhab dalam Islam. Punca kepada perbincangan ini⁴ ialah semata-mata untuk mentaqdiskan dan mensucikan Allah selaku yang mencipta dan bersifat *irādah* (kehendak) yang mutlak atas segala sesuatu dan pula untuk merasakan perasaan kehambaan yang tulen kepada kehendak dan kemahuan Allah.⁵

Persoalan ini telah pun diperkatakan dan dibahaskan oleh para sufi.⁶ Walaubagaimanapun, ada di antara mereka yang terlampau dalam menentukan kehendak (*irādah*) Allah ke atas para hamba (manusia) atau terlampau dalam prinsip *tawakkul* (penyerahan yang bulat kepada Allah SWT) atau persoalan *qadā'* dan qadar sehingga manusia tidak lagi diberi peranan dalam menentukan nasib diri

⁴ Iaitu dari pandangan para sufi dan golongan Jabariyyah.

⁵ Maqam ini adalah maqam yang paling sempurna mengikut pandangan para sufi. Ia adalah kombinasi antara reda dengan ketentuan Allah dan menyerahkan diri (*tafwīḍ*) kepada kehendakNya. Lihat perbahasan mengenai reda: Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa'ari, Dr., (2015) *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 96.

⁶ Sebagai contoh ialah perkataan Sahl bin Abd 'Allāh al-Tustarī :

ذروا التدبير والاختيار فإنهما يكدران على الناس عيشتهم

“Tinggalkan *tadbīr* dan *ikhtiyār*, kerana keduanya itu akan mengeruhkan kehidupan manusia”.

Perkataan Abū al-Ḥasan al-Syādhilī:

إن كان ولا بد من التدبير فدبر أن لا تدبر

“Jika kamu terpaksa daripada melakukan *tadbir*, maka *tadbirlah* supaya jangan *mentadbir*”. Lihat al-Sakandari, Ibn 'Atā' Allāh, (1998), *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm.5





mereka di dunia. Lantaran itu timbullah tanggapan kononnya tasawuf menghalang kemajuan duniawi, tasawuf menyebabkan manusia malas berusaha, hanya menumpukan amal ibadat berbentuk ritual sahaja. Malah ada yang lebih dari itu, yang menolak terus ilmu tasawuf dari disenaraikan dalam senarai ilmu-ilmu Islam atau mendakwa cara hidup seorang sufi yang sebenar adalah bertentangan dengan ajaran Islam.⁷

Pada zaman permulaan perkembangannya, tidak ramai tokoh-tokoh tasawuf yang menceburkan diri dalam bidang penulisan bagi menjelaskan doktrin-doktrin tasawuf,⁸ Tasawuf pada masa itu, hanyalah dikenali sebagai bentuk amalan *dhauq*⁹ berdasarkan pengalaman kerohanian syeikh masing-masing. Justeru itu, menyebabkan bertambah banyaknya kekaburan, tomahan dan fitnah yang dilemparkan kepada pengamal ilmu tasawuf itu sendiri. Di antaranya ialah mengenai *ihitiyār* hamba yang sebahagian pengamal sufi cenderung kepada fahaman *Jabariyyah* yang menyatakan segala perbuatan manusia adalah terpaksa



⁷ Lihat Zakaria Stapa, (1997), *Akidah dan Tasawuf* dalam artikel yang bertajuk Wajah tasawuf dalam Penglihatan Ulama Bukan Sufi, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 78.

⁸ Tidak dapat dipastikan dengan tepat mengenai tokoh pertama yang menulis ilmu tasawuf. Namun begitu mengikut pendapat Ibn khaldūn, al-Qusyairī adalah tokoh pertama yang telah menulis Ilmu Tasawuf dengan baik sebagai satu bidang ilmu berasingan dan tersusun, dimana pada peringkat awalnya merupakan cara atau jalan untuk beribadah sahaja. Ini boleh dilihat kepada penyusunan kitabnya *al-Risālah al-Qusyairiyyah*. Ibn Khaldūn, Abd al-Rahmān, (2004), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Kaherah; Nahḍah Miṣr, hlm. 229. Lihat juga Abū al-Wafā' al-Ghānīmī al-Taftazānī, Dr., (1996), *Perkembangan Tasawuf Islam*, ter. Dr. Abdul Shukor Hj. Husin & Mudasir Rosder, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 19.

⁹ Perasaan dari pengalaman kerohanian yang dialami ketika beribadah. Rushdi bin Ramli, Dr., (2007), *Permasalahan Liku-liku dan Dasar-dasar Utama Pengabdian Diri Kepada Allah Menurut Fatwa Imam Ahmad Ibn Taymiyyah*, Batu Caves: Crescent News, hlm. 24.





(*majbūr*).¹⁰ Dr. Yūsuf al- Qaraḍāwī, dalam kitabnya *Fatāwā Mu'āṣarah* memberikan komentar mengenai prinsip *tawakkul* sebahagian sufi dengan katanya:

*Sikap sebahagian dari mereka (para sufi) dikuasai oleh unsur al-Jabariyyah dan al-Salbiyyah (budaya negatif) iaitu sikap berserah diri secara bulat kepada takdir dan ketentuan Allah sehingga ke tahap membiarkan kekufuran, kerosakan dan kemungkaran bermaharajalela kerana menurut mereka semua yang berlaku ini adalah daripada kehendak Allah yang tidak wajar diingkari. Sikap seperti ini sudah pasti akan menyuburkan kecenderungan untuk kalah dan melarikan diri daripada kenyataan perjuangan hidup. Sesungguhnya pendirian kaum sufi yang tersasar seperti ini telah tersebar dengan meluas waktu mutakhir ini dan telah diterima sebagai sebahagian daripada ajaran teras Islam oleh orang ramai dari kalangan umat Islam.*¹¹

Malah kemuncak dari fahaman sebegini, mereka meredai kemaksiatan, kekufuran dan perlakuan fasik kerana itu juga adalah suatu yang dicipta dan ditadbir oleh Allah.¹²



Begitu juga sebahagian sufi yang menganut fahaman tersebut, mereka telah mengajarkan kepada para pengikutnya melakukan solat atau ibadat lain tanpa niat melakukannya, iaitu yang dikenali dengan nama *qasad*. Mereka mengatakan bahawa melakukan ibadat dengan niat melakukannya adalah perbuatan syirik, kerana menisbahkan perbuatan kepada diri kita, sedang semua perbuatan adalah Allah yang melakukannya.¹³

¹⁰ Musa Fathullah Harun, Dr., (1996), *Pengantar Ilmu Tasawuf*, Sungai Buluh: Syarikat Meza, hlm.8.

¹¹ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf bin Abd Allāh, Dr., (2000), *Fatāwā Mu'āṣirah*, Kaherah: Dār al-Qalam Wa al-Tawzī', hlm. 742.

¹² Lihat: Ibn al-Taimiyyah, Abū al-Abbās Taqiy al-Dīn Aḥmad bin Abd al-Salām bin Abd Allāh bin Taimiyyah al-Ḥarānī, *Majmū'ah al-Fatāwā*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, Jld. 10, hlm. 210-211

¹³ Musa Fathullah Harun, Dr., (1996), *op. cit.*, hlm. 309.





Sementara itu, terdapat sebahagian dari mereka yang mencampuradukkan ajaran *bāṭiniyyah* ke dalam amalan tasawuf¹⁴ sehingga timbulnya konsep *waḥdah al-Wujūd*¹⁵, *al-Ḥulūl*¹⁶, *al-Ittiḥād*¹⁷ dan sebagainya, dengan beranggapan kononnya itulah satu-satunya cara untuk mengenal Allah (*ma'rifah Allāh*) secara lebih berkesan lagi.

Zaman berganti, menyaksikan pengislahan dalam dunia tasawuf. Bermula abad ketiga dan keempat Hijrah, tasawuf mula berkembang sebagai suatu ilmu yang boleh dipelajari dengan lebih dekat secara teoritikal melalui karya-karya mereka.¹⁸ Munculnya Imam-imam dan tokoh-tokoh pengislah dalam dunia kesufian. Lahirnya Imam al- Muḥāsibī¹⁹ dengan karyanya bernama kitab *al-Ri'āyah Li Ḥuqūq Allāh* , Imam al-Qusyairi²⁰ dengan kitab *Risālah al-*



¹⁴ Lihat: Abdul Fatah Harun, Dr., (1998), *Kebatinan Penghapus Syariat*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), hlm. 2-3.

¹⁵ *Waḥdah al-Wujūd* ialah satu fahaman ahli sufi yang menyatakan bahawa hakikat kewujudan itu adalah satu atau mengenai kesatuan antara Tuhan dan makhluk. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Dr., (2013), *Soal Jawab A-Z Tentang Tasawuf Tapi Anda Tiada Tempat Untuk Bertanya*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., hlm. 230

¹⁶ Penyerapan Allah ke dalam diri manusia. Rushdi bin Ramli, Dr., (2007), *op.cit.*, hlm. 95.

¹⁷ Kepercayaan bahawa diri sebenarnya telah bersatu dengan Tuhan sehingga tidak ada perbezaan antara Allah dan kewujudan hamba tersebut. *Ibid*, hlm. 95.

¹⁸ Che Zarina, Dr., (2001), Kertas kerja dalam Seminar Tasawuf 2001 bertajuk: *Sejarah dan Perkembangannya Hingga Kini*, Kuala Lumpur: Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya, hlm. 14

¹⁹ Nama lengkapnya Abū Abd Allāh al-Ḥārith bin Asad al-Baṣrī al-Baghdādī al-Muḥāsibī. Beliau lebih dikenali dengan nama al-Muḥāsibī kerana sering menghisab dirinya. Lahir pada tahun 165H / 781 M dan wafat di Baṣrah pada tahun 243 H / 857 M. Beliau mempunyai karya yang banyak. Diantaranya ialah *al-Ri'āyah li Ḥuqūq Allāh*, *Risālah al-Murtasyidīn*, *Ādāb al-Nufūs* dan lain-lain. Lihat: Al-Muḥāsibī, Abū Abd Allāh al-Ḥārith bin Asad al-Baṣrī al-Baghdādī, (1998), *Risālah al-Murtasyidīn*, tah. 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, Kaherah: Dār al-Salām, hlm. 17.

²⁰ Namanya 'Abd al-Karīm bin Hawāzin bin 'Abd al-Malīk bin Ṭalhah bin Muḥammad al-Qusyairi dilahirkan pada bulan Rabi' al-Awwal tahun 376 H / 986 M. Wafat pada tahun 465 H/1074 M di Naisabur. Antara kitab karangan beliau ialah *al-Risālah al-Qusyairiyyah*, *Laṭā'if al-Isyārah*, *al-*





Qusyairiyyah. Kemudian diikuti oleh Imam al-Ghazālī²¹ yang hidup pada abad ke lima hijrah. Beliau berusaha membersihkan ilmu tasawuf dari pandangan-pandangan falsafah yang menyesatkan, yang telah disusupkan oleh musuh-musuh Islam daripada aliran-aliran kebatinan dan daripada kepalsuan-kepalsuan yang dibawa oleh orang-orang jahil dengan menulis kitab-kitab seperti *Faḍāḥ al-Bāḥiniyyah*, *al-Munqiz Min al-Dalāl*, *Ihyā' Ulūm al-Dīn*.²² Malah Imam al-Ghazālī dianggap tokoh yang telah mempertemukan antara golongan *fuqahā'* dan golongan *mutasawwifah*.²³ Imam al-Sya'rānī²⁴ yang hidup pada abad ke sepuluh hijrah, juga telah melakukan usaha yang sama iaitu membersihkan tasawuf daripada pandangan-pandangan yang menyeleweng, menyesatkan dan mengelirukan. Dalam usaha tersebut beliau terpaksa berhadapan dengan kumpulan-kumpulan sufi yang menyeleweng dan memerangi mereka melalui lisan dan tulisan. Beliau telah menyeru kepada para sufi pada zamannya supaya bekerja dan beribadat, kerana kedua-duanya merupakan tiang kehidupan. Orang yang

Taysīr Fi al-Tafsīr, al-Tafsīr al-Kabīr dan lain-lain lagi. Lihat: Ibrāhīm Basyūnī (1972), *al-Imām al-Qusyairī, Sīratuhu, Athāruhu, Madhhabuhu fī al-Tasawwuf*, Kaherah: Matābi' al-Dajwā' him. 165

²¹ Nama penuhnya Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad Abū Ḥamid al-Ghazālī al-Ṭūsī. Dilahirkan di Ghazālāh wilayah Ṭus pada tahun 450 H / 1058 M. Beliau merupakan tokoh pemikir terulung sehingga mendapat gelaran Hujjah al-Islām. Beliau menguasai ilmu Syariat dan Tasawuf serta meninggalkan lebih dari 40 buah kitab. Antara yang terkenal ialah *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, *al-Wasiṭ*, *al-Mustaṣfa*, *Tahāfut al-Falāsifah* dan lain-lain lagi. Lihat: Al-Ghazālī, Abū Ḥamid bin Muḥammad (1997), *Minhāj al-'Ābidin Ilā Jannah Rab al-'Ālamīn*, Beirut: Dār al-Basyāir al-Islamiyyah, hlm. 9-1.

²² Lihat: Musa Fathullah Harun, Dr., (1998), *op.cit.*, hlm. 3.

²³ Dibuktikan melalui manhaj beliau dalam karya-karyanya seperti *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, *Bidāyah al-Hidāyah* dan lain-lain yang menggabungkan antara persoalan Ilmu Fiqh dan Ilmu Tasawuf.

²⁴ Namanya Abū al-Mawāhib, Abd al-Wahhāb bin Aḥmad bin 'Ali al-Sya'rānī. Wafat pada tahun 973 hijrah. Mempunyai karangan-karangan yang banyak. Antara yang terkenal ialah *al-Mẓān al-Kubrā*, *al-Minan al-Kubrā*, *Tanbīh al-Mughtarrin*, *Qawā'id al-Sūfiyyah*, *al-Anwār al-Qudsiyyah* dan lain-lain.





meninggalkan usaha yang berupa kerja yang halal dan meminta rezeki atau derma daripada para dermawan, seperti kebiasaan para sufi pada masa beliau, adalah orang yang jahil tentang kedudukan *tawakkul* yang sebenarnya.²⁵ Mereka ini bangkit sebagai tokoh-tokoh pengislah dalam dunia kesufian dan mereka melakukan pencerahan dalam ilmu tasawuf. Mereka banyak mengkritik pandangan para sufi yang melampau, mencerca golongan yang meremehkan ilmu-ilmu zahir disamping mempertahankan prinsip tasawuf yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan *al-Sunnah*.

Imam al- Junaid al-Baghdādī²⁶, yang digelar sebagai *Sayyid al-Ṭāifah*, imam utama para ahli tarekat dan kaum sufi. Beliau menjelaskan panduan umum untuk para sufi:



“Tiadalah kami mengambil tasawuf itu dari pendapat itu dan ini, tetapi tasawuf itu diambil dari lapar, meninggalkan kepentingan dunia, memutuskan kebiasaan dan keselesaan”

dan katanya lagi:

“Sesiapa yang tidak menghafaz al-Quran dan tidak menulis (meriwayatkan) hadis, tidak boleh diikuti pada pekerjaan (ilmu) ini,

²⁵ Musa Fathullah Harun, Dr., (1996), *op.cit.*, hlm. 5.

²⁶ Beliau ialah al-Junaid bin Muḥammad bin al-Junaid Abū Qāsim al-Quwārīrī al-Khazzāz al-Nahāwandi al-Baghdādī al-Syāfi’ī atau lebih dikenali dengan al-Junaid al-Baghdādī. Beliau lahir di Nihāwand, Parsi, tetapi keluarganya menetap di Baghdād. Beliau telah mempelajari Ilmu Fiqh daripada Abū Thūr al-Kalbī yang merupakan murid Imam al-Syāfi’ī. Al-Junaid mempelajari ilmu Tasawuf dari datuknya sendiri iaitu Syeikh al-Sarī al-Saqīṭī, hingga mempunyai ramai murid dan pengikut. Beliau mempunyai kecintaan terhadap ilmu Tasawuf sehingga beliau katakan: “Apabila aku telah mengetahui suatu ilmu yang lebih besar dari Tasawuf, tentunya aku akan pegi mencarinya, sekalipun aku terpaksa merangkak.” Beliau wafat pada tahun 298 H.





*kerana ilmu kami (tasawuf) terikat dengan al-Quran dan al-Sunnah”.*²⁷

1.3 Permasalahan Kajian

Imam Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari adalah antara ilmuwan dan tokoh pemikir Islam yang cukup masyhur dalam disiplin ilmu Tasawuf khususnya. Beliau adalah diantara tokoh ulama sufi yang hidup pada abad yang tujuh, yang digolongkan sebagai meneruskan Tasawuf *manhaj* Imam al-Ghazālī yang terikat dengan kerangka al-Quran dan al-Sunnah.²⁸ Nama sebenarnya Syekh Imam Tāj al-Dīn Abū Fudhail Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Aṭā’ Allāh. Beliau hidup pada masa pemesatan perkembangan ilmu terutamanya tasawuf, khususnya



di Mesir. Beliau banyak dipengaruhi oleh gurunya Abū al-‘Abbās al-Mursī, dimana gurunya banyak mengubah pandangan dan minatnya terhadap ilmu tasawuf setelah beliau berkecimpung lama dalam bidang fiqh, hadis dan tafsir. Justeru, tidak hairanlah kata nasihat Abū al-‘Abbās al-Mursī terhadap beliau:

*“Beriltizamlah, maka demi Allah, sekiranya engkau tetap (menekuni ilmu tasawuf) , nescaya engkau akan menjadi mufti (yang memberi fatwa) dalam dua mazhab – iaitu mazhab ahli Syariah dan mazhab ahli hakikat (tasawuf).”*²⁹

²⁷ Al-Syurnūbī, ‘Abd al-Majīd, (1999), *Sharḥ Ḥikam al-Imām Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandarī*, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, hlm.17.

²⁸ Lihat: Al-Taftazānī, Abū al-Wafā’ al-Ghānīmī, Dr., (1996), *Perkembangan Tasawwuf Islam*, ter. Dr. Abdul Shukor Hj. Husin & Mudasir Rosder, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 275. Lihat juga: Al-Sakandarī, Ibn ‘Aṭā’ Allāh (t.t), *Laṭā’if al-Minan*, Kaherah: Dār al-Ma’ārif, hlm. 11.

²⁹ Al-Syurnūbī, ‘Abd al-Majīd, (1999), *op.cit.*, hlm. 19.





Beliau banyak menceburkan diri dalam bidang penulisan. Karangan-karangan beliau merupakan kitab yang muktabar yang diguna pakai dan dirujuk oleh para peminat dalam disiplin Ilmu tasawuf. Antara kitab karangan beliau yang masyhur ialah *al-Ḥikam al-‘Atāyyah*, *al-Tanwīr Fi Isqāṭ al-Tadbīr*, *al-Qasd al-Mujarrad fī al-Ism al-Mufrad*, *Latāif al-Minan* dan lain-lain lagi.

Dalam kitab-kitab karangannya, beliau banyak menyentuh dan menekankan kepentingan perhubungan hamba dengan pencipta, ikhlas, tawakkul, reda terhadap segala ketentuan Allah dan yang lebih penting ialah memutuskan tadbiran, usaha dan pergantungan seorang hamba dengan makhluk sebagai satu jalan untuk para *sālik*³⁰ sampai kepada Allah.³¹ Banyak perkataan Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dilihat secara seimbis lalu, memperlihatkan seolah-olah manusia itu tidak perlu berusaha, hanya bersandar kepada tadbiran Allah semata-mata, sebagaimana fahaman golongan Jabariyyah. Persoalannya, benarkah begitu? Perbincangan inilah yang disebut sebagai *isqāṭ al-Tadbīr* oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī atau *ikhtiyār al-‘Ibād* mengikut istilah para ulama’ ahli kalam, yang merupakan sebahagian dari kajian penulis. Malah, menurut al-Taftazāni, Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī merupakan tokoh sufi yang

³⁰ Perkataan *sālik* dari sudut bahasa ialah seseorang yang menuju kepada sesuatu matlamat atau perkara. Dari segi istilah pula dibahagikan kepada dua, iaitu pengertian umum dan juga khusus. *Sālik* dalam pengertian umum melibatkan semua mukmin, kerana setiap mukmin dikira sedang berjalan menuju Allah SWT atau sedang menempuhi jalan yang digariskan oleh Allah SWT. Manakala *sālik* dalam pengertian khusus pula adalah yang digunakan oleh kaum tasawuf seperti hamba yang bertaubat daripada hawa nafsu dan syahwatnya, beristiqamah pada jalan kebenaran dengan melakukan *mujahadah*, ketaatan dan keikhlasan. Lihat al-Sharqāwī, Ḥasan, (1987), *Mu’jam Alfāz al-Ṣūfiyyah*, Kaherah: Mu’assasah al-Mukhtār Li al-Nashr wa al-Tawzī’, hlm. 171.

³¹ Antara perkataan Ibn ‘Aṭā’ Allāh ialah:

أرح نفسك من التدبير فما قام به غيرك عنك لا تقم به لنفسك

‘Rehatkan dirimu dari mentadbir. Apa yang telah dilakukan oleh selain dirimu (Allah), janganlah kamu melakukannya untuk dirimu.’





sangat memberikan perhatian dan penekanan tentang persoalan *isqaṭ al-Tadbīr* dan meletakkannya sebagai satu ajaran penting atau manhaj untuk mendekatkan kepada Allah sehingga beliau berusaha menulis permasalahan itu secara khusus dan terperinci dalam kitabnya *al-Tanwīr fī Isqaṭ al-Tadbīr*.³² Dalam kitab beliau ini, beliau menengahkan topik-topik penting mengenai reda, tawakal, yakin, faedah berusaha, berusaha dunia, tajrid dan kasb, dimana topik-topik tersebut sangat berkait rapat dengan *ikhtiyār al-Ibad* yang dibicarakan dalam ilmu Aqidah.

Dalam pemilihan tokoh, penulis memilih Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī sebagai tokoh yang diangkat dalam persada ilmu Tasawuf terutama dalam membahaskan persoalan *ikhtiyār al-‘Ibād*. Ini adalah kerana melalui kitab-kitabnya beliau sering disebut, dipetik kata-katanya untuk dijadikan panduan memotivasikan diri untuk mendekatkan diri kepada Allah, diikuti perjalanannya, diterima secara baik oleh kebanyakan ulama, samada dari yang beraliran sufi atau bukan sufi dan diterima oleh para pendakwah dari gerakan Islam semasa, melalui pujian-pujian dan sanjungan mereka terhadap Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī³³. Dari aspek yang lain pula, ajaran tasawuf dan pemikiran Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī telah lama tersebar dan sangat mendominasi umat Islam di dunia Nusantara. Ini telah terbukti dengan adanya terjemahan kitab-kitab karangan Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi klasik. Di antaranya ialah terjemahan dan syarah kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah* oleh Tok Pulau Manis. Begitu juga terjemahan *al-Tanwīr fī Isqāḍ al-Tadbīr* ini oleh Syeikh ‘Uthmān bin Syihāb al-Dīn Pontianak

³² Lihat :Al-Taftazānī, Abū al-Wafā’ al-Ghānīmī, Dr., (1996), *op. cit.*, hlm. 276

³³ Antara mereka ialah Sa’īd Ḥawwā, mantan Syeikh al-Azhar Dr. Abd al-Halīm Maḥmūd, mantan Muftī *al-Diyār al-Miṣriyyah*, Hasanain Makhluḥ, Mufti Mesir Dr. ‘Alī Jum’ah, al-Marḥūm al-Syahīd Dr. Muḥammad Sa’īd Ramaḍān al-Būṭī dan lain-lain lagi.





dengan dijudulkan dengan nama *Tanwīr al-Qulub*³⁴ Begitu juga terdapat terjemahan dari kitab *Tāj al-‘Arūs* dengan diberi judul *Tahdhīb al-Nufūs* oleh Muḥammad Sharif bin Abdul Rahman.³⁵

Oleh kerana itu penulis terpenggil untuk mengkaji dan menganalisis pemikiran Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari, selaku seorang tokoh sufi terutamanya dari sudut doktrin *isqāṭ al-Tadbīr*.

1.4 Objektif Kajian

Penulis menggariskan beberapa objektif bagi memperjelaskan matlamat daripada penulisan ini iaitu:

- i. Mengenal pasti biografi Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari sebagai seorang tokoh, ilmuan dalam bidang tasawuf.
- ii. Mengenal pasti hujah-hujah dan dalil-dalil yang digunakan oleh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari dalam menetapkan *ikhtiyār al-‘Ibād*.
- iii. Menganalisis pemikiran Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandari berhubung *ikhtiyār al-‘Ibād* dengan memberikan fokus terhadap kitab beliau *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*.

³⁴ Telah dicetak oleh Maktabah Wa Maṭba’ah Muḥammad al-Hudā Wa Aulāduhū, Pattani Thailand. Tanpa tarikh percetakan.

³⁵ Telah dicetak oleh Maktabah al-Hājj Abd Allāh bin Muḥammad Nūr al-Dīn al-Rāwī, Pulau Pinang. Tanpa tarikh percetakan.





1.5 Persoalan Kajian

Di antara persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

- 1- Siapakah Imam Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dalam konteks Ilmu Tasawuf?
- 2- Apakah hujah dan dalil-dalil yang digunakan oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dalam menetapkan konsep *ikhtiyār al-‘Ibād*?
- 3- Sejauh manakah pemikiran Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī mengenai *ikhtiyār al-‘Ibād* dalam kitab *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*?



1.7 Tinjauan Terhadap Kajian-Kajian Lepas

Sepanjang penelitian penulis, tidak ditemui sebuah buku ataupun penulisan khusus yang membincangkan secara akademik mengenai permasalahan *ikhtiyār al-‘Ibād* mengikut pandangan tokoh tasawuf seperti yang hendak dikaji penulis. Walaubagaimanapun penulis telah menemui beberapa kajian yang membincangkan tentang Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī. Antaranya ialah sebuah tesis Ph.D yang bertajuk *Manhāj Dakwah al-Syeikh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dan Pengaruhnya di Malaysia* hasil kajian Sulaiman bin Ibrahim dari Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 2005.





Ianya membincangkan mengenai metodologi dakwah Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī secara khusus terhadap pengaruhnya di Malaysia. Topik perbincangannya ialah terhadap ketokohan beliau selaku tokoh ulama sufi yang berperanan dalam mengembangkan ajaran tasawuf khususnya melalui Tarekat *al-Syāziliyyah*.

Selain dari itu, satu kajian yang berkaitan dengan pemikiran Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dalam tasawuf iaitu sebuah tesis Sarjana oleh Othman bin Napiah dari Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, tahun 1998, yang bertajuk *Ajaran-ajaran Tasawuf Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī yang penting dalam kitabnya al-Ḥikam*.

Kajian tersebut adalah sebuah kajian kepustakaan. Dalam tesis tersebut membincangkan mengenai ajaran-ajaran penting dalam ilmu Tasawuf yang digariskan oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pengkaji menyebutkan beberapa peringkat yang perlu dilalui oleh para sālik dalam *tazkiyyah al-Nafs*. Diantaranya konsep-konsep mujahadah melalui tauhid, ikhlas, syukur, zuhud, *tajrīd* dan *tadbīr*, *tawakkul*, *reḍa* dengan ketentuan Allah, *maḥabbah*, ‘*uzlah*, *khalwah*, *tawbah* dan diakhiri dengan *isqāṭ al-Tadbīr*.

Dalam kajian tersebut penulis juga menyebutkan dan meletakkan *isqāṭ al-Tadbīr* adalah juga peringkat yang penting untuk dilalui para sālik dalam *mujāhadah al-Nafs*. Ini adalah aspek persamaan dengan kajian penulis. Namun kajian yang dibuat adalah ringkas dan umum. Perbezaan antara kajian penulis ialah penulis akan mengkaji aspek tersebut dari sudut huraian oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-





Sakandari sendiri dalam kitab yang berlainan iaitu *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*. Ini adalah kerana dalam kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭāiyyah*, Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandari hanya sekadar melontarkan pemikirannya berhubung *Isqāṭ al-Tadbīr* di tempat-tempat yang berlainan mengikut gaya bahasa (*ta’bīr*) kesufiannya yang sulit untuk difahami oleh masyarakat awam. Tetapi dalam kitab *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*, beliau mensyarahkan pandangannya berhubung isu tersebut mengikut huraian-huraian yang lengkap dan tersusun.

Antara lain ialah sebuah disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, tahun 2011, bertajuk *Af’āl Allāh Menurut al-Jurjānī (M.816 H. / 1413 M.) : Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih dari Syarḥ al-Mawāqif*, hasil kajian Mohd Hamidi bin Ismail.



Kajian tersebut hanya membincangkan Sifat-sifat Allah yang di dalam lingkungan perbuatan Allah seperti *al-Razzāq* (Yang Maha Pemberi Rezeki), *al-Muḥyi* (Yang Maha Menghidupkan) dan lain-lain lagi dengan menumpukan kepada kitab *Syarḥ al-Mawāqif* oleh Imam al-Jurjānī. Secara perbandingan, kajian ini adalah berbeza dari apa yang sedang dikaji oleh penulis iaitu mengenai *af’āl Allāh*, sedangkan penulis mengkaji mengenai *af’āl al-‘Ibād* atau perbuatan dan ikhtiar hamba.

Begitu juga sebuah kajian atau tesis peringkat sarjana yang bertajuk *Konsep Qadā’ dan Qadar di dalam Islam. Satu kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan* oleh Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Universiti Malaya tahun 2001. Ia merupakan sebuah kajian disertasi yang





mengupas permasalahan *qadā'* dan qadar dan hubungkaitnya dengan lapangan kajian. Dalam kajian tersebut pengarang mengutarakan banyak pendapat-pendapat semasa dalam menyelesaikan masalah yang dikaji. Kajian ini juga, mempunyai hubungan secara tidak langsung, dengan tajuk yang dipilih penulis, iaitu masalah *qadā'* dan qadar yang berkaitan dengan perbuatan hamba Allah (*ikhtiyār al-'Ibād*).

Dalam isu *Qadā'* dan Qadar ini, sebuah tesis peringkat Ijazah Sarjana yang ditulis oleh Fadillah Ulfa, salah seorang pelajar Indonesia dari Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur tahun 2012, bertajuk *Beberapa Isu Pilihan Berkaitan Qadā' dan Qadar menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah : Kajian Kitab Shifā' al-'Alīl*. Kajian ini adalah kajian perpustakaan. Kajian menganalisis salah satu karya ulung karangan Ibn Qayyim berhubung beberapa persoalan yang berkaitan dengan masalah taqdir. Antaranya pandangan Ibn Qayyim mengenai *iḥtijāj* manusia terhadap taqdir Allah, penentuan taqdir bahagia dan sengsara sebelum penciptaan mereka, analisis pandangan beliau tentang *al-Hudā* dan *al-Dalāl* yang berlaku kepada manusia. Ibn Qayyim menyandarkan pandangannya berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadith. Secara kesimpulannya, Ibn Qayyim memiliki pandangan yang selaras dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang menentang fahaman Qadariyyah, Mu'tazilah dan Jabariyyah. Dari sudut persamaan, kajian tersebut juga adalah sebahagian dari yang akan dikaji oleh penulis dan akan menjadi salah sebuah kitab yang akan menjadi rujukan penulis dalam perbahasan penulis berkaitan *Qadā'* dan Qadar mengikut pandangan ulama terutama dalam bab kedua, namun dari sudut kelainan pula, kajian tidak menyebutkan persoalan tersebut berdasarkan pandangan seorang tokoh tasawuf atau doktrin tasawuf seperti Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandari.





Sebuah lagi tesis peringkat Sarjana Pengajian Islam yang penulis temui bertajuk *Pemikiran Tasawuf di Nusantara: Peringkat-peringkat Perkembangan serta tokoh-tokohnya*. Kajian oleh Mohd Faisal bin Mohamed dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tahun 2007. Kajian ini hanya di sekitar pengenalan tokoh-tokoh, pemikiran dan perkembangan tasawuf di rantau Nusantara.

Dalam penulisan jurnal, terdapat artikel sebuah jurnal terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jurnal Islamiyyāt yang bertajuk *Nazariyyah al-Kasb fī al-Madhab al-'Asy'ariyyah* tulisan Abdull Rahman Mahmood bersama Mohamed Rifai Mohamed Ameen. Artikel ini menjelaskan mengenai persoalan *af'āl al-'Ibād*, antara pilihan (*ikhtiyār*) dan keterpaksaan (*jabr*) mengikut Mazhab al-'Asy'ariyyah. Penjelasan disekitar teori *al-Kasb* Abū Ḥasan al-'Asy'arī dan para pendokong Mazhab al-'Asy'ariyyah seperti pandangan Abū Bakr al-Bāqilānī, Abū al-Ma'ālī al-Juwainī, Abū Ishāq al-Isfarayīnī, Abū Ḥāmid al-Ghazālī dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī dimana terdapat sedikit sebanyak perbezaan dalam teori tersebut di kalangan pendokongnya. Perbahasan hanyalah disekitar pandangan pendokong Mazhab al-'Asy'ariyyah sahaja. Kajian tersebut berbeza dari kajian penulis, kerana penulis mengkaji dari sisi pandang tokoh tasawuf Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandarī. Namun begitu, sebahagian catatan dalam artikel ini turut dinukilkan penulis dalam bab kedua.

Sebuah lagi artikel yang judul *Konsep Perbuatan Allah Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia* oleh Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, tahun 2004. Artikel terbitan Jurnal





Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Dalam tulisan tersebut pengarang mengupas permalahan *Af'āl Allāh* dan hubungkaitnya dengan makhluk bagi menjelaskan konsep keadilan Allah. Kajian ini lebih cenderung mengemukakan pandangan *Mu'tazilah* dan beberapa pandangan dari Mazhab Syi'ah. Kajian ini juga mempunyai perbezaan dari kajian penulis, tetapi mempunyai sedikit persamaan dari aspek hubungannya dengan perbuatan makhluk.

Sementara itu terdapat beberapa buku dan tulisan yang mengenengahkan atau memfokuskan mengenai biodata Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandarī secara khusus. Antaranya ialah *Ibn 'Aṭā' Allāh Ḥayātuhu Wa Tasawwufuhu* karangan Syeikh Dr. Abū al-Wafā' al-Ghānimī al-Taftazānī terbitan Maktabah al-Anjalū al-Misriyyah.

Kitab ini dijadikan sebagai salah sebuah rujukan penulis dalam melengkapkan tesis terutama dari sudut biodata dan pemikiran-pemikiran tasawuf Imam Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandarī.

Begitu juga penulis mendapati ada kitab-kitab yang menghuraikan secara khusus berkaitan isu *ikhtiyār al-'Ibād*. Antaranya kitab karangan Dr. Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī yang berjudul *al-Insān, Musayyar Am Mukhayyar*, terbitan Dār al-Fikr, Damsyik Syria pada tahun 2005. Beliau menyebutkan dan menghuraikan dari sudut punca permasalahan ini timbul dan berlakunya perbezaan masalah ini antara mazhab-mazhab di dalam Islam seperti *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Mu'tazilah* dan sebagainya dan masalah-masalah yang berkaitan. Kitab ini mempertahankan prinsip-prinsip Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah dalam hal tersebut. Oleh itu, beliau menjawab keraguan (*syubhāt*) yang ditimbulkan oleh





golongan-golongan yang menyalahi Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah dengan mengemukakan hujah-hujah secara nas dan logik. Dari sudut kelainan dengan kajian penulis, kitab ini tidak menyebutkan pandangan-pandangan sufi secara khusus dalam isu ini. Begitu juga tidak menyentuh pandangan Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandarī atau kajian kitab yang tertentu. Kitab ini juga sebahagian dari rujukan penulis terutama dalam melengkapkan bab kedua.

Konklusinya, walaupun penulisan berkaitan Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandarī telah ada dibincangkan oleh beberapa penulis yang lepas, namun skop perbincangan mereka adalah terhad kepada pengenalan kehidupan Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandarī, penjelasan terhadap pandangan, pemikiran, sumbangan, ajaran tasawufnya dan metodologi dakwahnya sahaja tanpa menghubungkan pandangan beliau dalam perbuatan hamba berdasarkan kitab karangan *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr* secara khusus dan terperinci. Kajian mengenai pandangan tokoh sufi, seperti Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandarī mengenai persoalan *ikhtiyār al-'Ibād* tidak banyak diketengahkan secara terperinci oleh para pengkaji dan ahli-ahli akademik. Oleh itu, kajian ini sangat perlu diteruskan untuk menjelaskan pandangan-pandangan beliau, selaku seorang ulama sufi berhubung dengan konsep perbuatan dan ikhtiar hamba. Justeru, dapat merungkai beberapa persoalan tasawuf dalam hubungannya dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Oleh itu, penulis akan menggunakan beberapa metode penyelidikan yang utama iaitu:





1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metode Pengumpulan Data digunakan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat serta fakta bagi tujuan penyelidikan. Ia merupakan kaedah pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi melalui dokumen atau penerbitan badan tertentu, pemerhatian sendiri, temuramah melalui telefon, tinjauan melalui pos dan temuramah peribadi.³⁶ Penulis menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya bagi mendapatkan data yang diperlukan, dimana data dan maklumat dikumpul menerusi metode penelitian dokumen. Penjelaskannya adalah seperti berikut:

a) Metode Kepustakaan



Metode Kepustakaan ialah teknik yang mana seorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.³⁷ Perpustakaan diakui umum sebagai pasarana bagi setiap penyelidik.³⁸

Untuk tujuan ini, penulis mengunjungi beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia, Kuala Kangsar, Perpustakaan Tunku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan

³⁶ Ahmad Mahdzan Ayob, (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosiaekonomi*, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 60

³⁷ Mohd Shafie Abu Bakar, (1987), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 41.

³⁸ Winarno Surachmad, (1970), *Pengantar Metodologi Ilmiah*, cet. 5, Bandung: CV Tarsito, hlm. 238.





Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Perpustakaan Darul Hikmah Universiti Islam Antarabangsa Gombak.

1.8.2 Metode Analisa dan Pengolahan Data

Setelah semua data yang diperlukan telah diperolehi, ianya akan dianalisis dan diolah. Bagi tujuan itu, beberapa metode lain akan digunakan bagi memastikan suatu rumusan yang baik dapat disediakan. Metode-metode itu adalah:

a) Metode Induktif ³⁹

Metode Induktif ialah ialah suatu cara untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.⁴⁰

Sebagai contoh dalam kajian ini, penulis akan menggunakan metode ini dalam bab keempat, perbincangannya adalah mengenai konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* menurut Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dikaji berdasarkan kitab *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr* sahaja, namun begitu suatu rumusan yang bersifat umum akan disimpulkan daripada data yang bersifat khusus.

³⁹ Dalam disiplin *Usūl al-Fiqh*, kaedah induktif ini dikenali dengan nama kaedah *Istiqrā’*. Lihat: Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, hlm. 82.

⁴⁰ lihat Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP. hlm. 52.





b) Metode Deduktif ⁴¹

Metode deduktif ialah menghuraikan sesuatu masalah dengan lebih terperinci dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang jelas.⁴² Kamus Dewan pula mendefinisikan sebagai kesimpulan atau rumusan yang dibuat daripada keadaan yang umum kepada yang khusus.⁴³ Metode tersebut banyak digunakan dalam bab kedua iaitu ketika penulis menganalisis data yang dijadikan khusus iaitu yang berhubung pandangan Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandārī mengenai konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* .

Secara umumnya, penggunaan metode-metode yang telah dinyatakan tersebut akan memastikan penghasilan sebuah kajian yang bermutu dan berkualiti.



1.9 Kepentingan Kajian

Penulis merasakan kajian ini adalah penting kerana tiada kajian khusus secara terperinci mengenai pandangan tokoh seperti seperti Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandārī berkaitan konsep *ikhtiyār al-‘Ibād*. Kajian ini diharapkan dapat memberikan penjelasan yang baik berhubung isu *ikhtiyār al-‘Ibād* dari disalah fahamkan konsepnya oleh sebahagian umat Islam hari ini dan juga dapat mencari titik pertemuan antara golongan sufi dan bukan sufi dalam persoalan aqidah. Ini adalah

⁴¹ Dalam disiplin *Usūl al-Fiqh*, kaedah deduktif ini dikenali dengan nama kaedah *Istinbāṭ*, Lihat: Idris Awang (2001), *op.cit.*, hlm. 83

⁴² Imam Barnadib, *op.cit.*, hlm. 53.

⁴³ Hajah Noresah bt. Baharom, *et. al* (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 325.





kerana ibarat-ibarat , ungkapan dan kata-kata yang digunakan oleh para ulama sufi melalui karya-karya mereka yang berkaitan dengan alam tasawuf dan kesufian, ada ketikanya boleh mengheret masyarakat Islam yang kurang pengetahuannya di dalam persoalan tersebut ke lembah kecelaruan sehingga mungkin boleh menimbulkan suasana berprasangka buruk dan tuduh menuduh di kalangan masyarakat Islam. Justeru kajian ini bertujuan memperjelaskan satu persoalan pokok yang berkaitan dengan Ilmu Aqidah dan Tasawuf. Penulis ingin melihat sejauh mana kebenaran pendapat yang mengatakan sebahagian para sufi adalah golongan yang berfahaman Jabariyyah dalam persoalan ikhtiar hamba, dan adakah Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī termasuk dalam kumpulan ini, atau sebaliknya beliau juga sealiran dengan para sufi Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā’ah.



1.10 Sistematika Penulisan

Kajian ini akan dipecahkan kepada lima bab dan setiap bab mempunyai sub-sub topik perbincangan yang akan dikhususkan bagi membincangkan isu-isu tertentu. Huraian bagi setiap bab adalah seperti berikut:

Bab Pertama adalah merupakan bab pendahuluan yang mengandungi permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, tinjauan terhadap kajian lampau, metodologi penyelidikan, sistematika penulisan dan kesimpulan.

Bab Kedua menghuraikan tentang konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* menurut perspektif al-Quran dan hadith serta pandangan ulama.





Bab Ketiga akan membincangkan tentang latar belakang Imam Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī. Ianya meliputi riwayat hidup beliau, keperibadian, keilmuan, pemikiran, karya-karya, metodologi penulisan dan ajaran-ajaran tasawufnya yang penting dan lain-lain berkaitan. Dalam bab ini juga akan membahaskan tentang konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* dari segi sumber dan hujah yang dipakai oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dalam penetapan konsep tersebut. Kajian ini akan dilakukan secara menyeluruh dengan melihat karya-karya yang dihasilkan oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī.

Bab Keempat memfokuskan tentang konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* menurut Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dengan berpandukan kepada kitab beliau *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*. Ianya akan dipecahkan kepada beberapa sub topik bagi mendetailkan permasalahan ini. Bab ini juga akan membicarakan tentang pandangan para ulama terhadap konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* khususnya mereka yang terlibat dalam Ilmu Tasawuf.

Bahagian terakhir yang juga Bab Kelima adalah penutup kepada kajian ini. Dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan berkaitan tajuk kajian secara menyeluruh meliputi segenap aspek perbincangan dan akan mengemukakan cadangan yang dianggap perlu dalam kajian ini.

1.11 Skop Kajian

Kajian ini hanya menganalisis konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* terhadap perbuatan mereka mengikut disiplin Ilmu Tasawuf secara umum dan akan memberikan tumpuan





kepada pendapat atau pandangan Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandarī dalam kitabnya *al-Tanwīr fī Isqāṭ al-Tadbīr*.

1.12 Kesimpulan

Sebagai penutup, penulis mengharapkan kajian ini dapat memberikan menafaat kepada semua golongan di kalangan umat Islam masakini dalam menjelaskan persoalan-persoalan penting mengenai tasawuf khususnya konsep *ikhtiyār al-‘Ibād* yang sering menjadi isu perdebatan dari dahulu hingga kini terutamanya antara golongan pro tasawuf dan kontranya.

Dengan adanya kajian seperti ini, *InsyāAllāh* akan dapat menggalakkan lagi para ahli akademik, penyelidik dan pengkaji untuk mengkaji pemikiran-pemikiran dan sumbangan para ulama dan tokoh-tokoh ilmuan Islam bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam.

